

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8298

SOALAN:

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah anggota keselamatan yang dikerah secara rasmi untuk bertugas dan mengawal Himpunan BERSIH 4 dan Himpunan Baju Merah baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa penganjuran perhimpunan BERSIH 4 pada 29 dan 30 Ogos 2015 dan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015, pihak polis telah membuat persiapan rapi bagi mengawal perhimpunan tersebut dan tidak menimbulkan sebarang kekacauan dengan menggerakkan keanggotaannya untuk mengawal situasi perhimpunan tersebut.

Bagi Perhimpunan BERSIH 4, pihak polis telah menggerakkan seramai 191 orang pegawai dan 2,419 orang anggota lain-lain pangkat bagi mengawal sepanjang dua hari perhimpunan tersebut.

Bagi Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015, seramai 263 orang pegawai dan 3,648 orang anggota lain-lain pangkat telah terlibat secara langsung bagi mengawal perhimpunan tersebut. Bagi kedua-dua penugasan yang terlibat, PDRM telah menggunakan semua elemen di dalam PDRM yang terdiri daripada keanggotaan IPD Dang Wangi, Cawangan Trafik, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) dan Cawangan K9 JSJ dan lain-lain elemen. Kesemua elemen-elemen ini adalah di bawah kawal selia Ketua Polis Kuala Lumpur.